



BUKU PANDUAN (*HANDBOOK*)
PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN BELIA 2024 (YEC 5.0)
(11 JUN 2024 – 26 OKTOBER 2024)

YOUTH —————
ENTREPRENEURSHIP
—————
CHALLENGE 2024

Rakan Strategik: PERDASAMA | PCCC YES | MICCI Penang | PUMM Penang | FMM | JCI Bukit Mertajam | MMK Pembangunan Keusahawanan

Disediakan oleh:

Mohamad Azhari Bin Rahim
Penolong Pegawai Perhubungan
Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC)
yec@pydc.com.my | +6011-1144 5866



1.0 PENDAHULUAN

Pertandingan Keusahawanan Belia (*Youth Entrepreneurship Challenge - YEC*), inisiatif kerjasama antara MMK Pembangunan Keusahawanan Negeri Pulau Pinang di bawah EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di bawah pimpinan EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan. Selain itu, rakan-rakan strategik yang turut bersama menjayakan program ini termasuk Persatuan Pedagang dan Usahawan Melayu Malaysia (PERDASAMA), *Penang Chinese Chamber of Commerce Young Entrepreneur Session (PCCC YES)*, *Malaysian Indian Chamber of Commerce and Industry (MICCI)*, Persatuan Usahawan Maju Malaysia (PUMM), *Federation Malaysian Manufacturers (FMM)*, JCI Bukit Mertajam serta ahli-ahli daripada MMK Pembangunan Keusahawanan. Pertandingan ini juga mendapat sokongan daripada beberapa IPT di Pulau Pinang termasuk Universiti Sains Malaysia (USM), *Disted College*, *IPK College*, *UOW Malaysia KDU Penang University College*, *Inti International College Penang*, *Sentral College Penang* dan Kolej Vokasional Batu Lanchang, Pulau Pinang.

Pertandingan tahun ini merupakan kali ke-5 dianjurkan sejak tahun 2020. Ratusan belia dari Pulau Pinang telah dimanfaatkan daripada program ini dan terdapat peserta-peserta telah berjaya digelar sebagai usahawan pada masa kini. Pertandingan ini terbuka kepada belia yang berumur antara 15 hingga 35 tahun. Terdapat dua (2) kategori iaitu kategori sekolah menengah dan kategori terbuka.

2.0 TUJUAN DAN OBJEKTIF

Pertandingan ini bertujuan untuk menyediakan satu platform bagi belia untuk mempamerkan kreativiti dan inovasi dalam idea perniagaan mereka. Selain itu, platform ini juga bertujuan untuk mengembangkan idea belia menjadi kenyataan melalui bimbingan yang disediakan sepanjang program ini.

Secara khususnya, objektif program ini adalah seperti berikut.

- i. Membangunkan dan membimbing belia ke arah keusahawanan;

- ii. Membantu belia-belia supaya lebih kompetitif dan dinamik dengan inovasi, trend dan teknologi terkini;
- iii. Menyediakan platform bagi belia untuk berinteraksi, berkongsi, dan mengembangkan idea perniagaan inovatif mereka;
- iv. Memberi peluang pendedahan kepada belia untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam bidang keusahawanan.

3.0 PENDAFTARAN, PENYERTAAN & PUSINGAN AKHIR

3.1 Pendaftaran

Kategori - Sekolah Menengah (15 tahun – 18 tahun)

Tingkatan 3 sehingga Tingkatan 6, A Level, Matrikulasi

Tempoh pendaftaran: 11 Jun 2024 hingga 12 Julai 2024

Pautan pendaftaran: <https://forms.gle/sdrssyX6udtwkcv7>

Bilangan ahli setiap pasukan: 2 hingga 5 orang

Yuran pendaftaran: **Tiada**

Kategori – Terbuka (18 tahun hingga 35 tahun)

Universiti / Kolej / Dewasa Bekerja/Berniaga

Tempoh pendaftaran: 11 Jun 2024 hingga 12 Julai 2024

Pautan pendaftaran: <https://forms.gle/sdrssyX6udtwkcv7>

Bilangan ahli setiap pasukan: 2 hingga 5 orang

Yuran pendaftaran: **Tiada**

3.2 Penyerahan

Kategori - Sekolah Menengah

- Tarikh akhir penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan: 16 Ogos 2024
- Laporan:
 - Rancangan Perniagaan tidak lebih daripada 2,500 patah perkataan (tidak termasuk lampiran)

- Ringkasan Eksekutif tidak melebihi 500 patah perkataan;
- Laporan dalam format PDF.
- Sesi penilaian: 17 Ogos 2024 - 30 Ogos 2024 (pemilihan 5 pasukan terbaik ke Pusingan Akhir untuk kategori sekolah menengah)
- Pautan penghantaran laporan: Akan dimaklumkan kepada peserta

Kategori - Terbuka

- Tarikh akhir penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan: 16 Ogos 2024
- Penyerahan laporan:
 - Rancangan Perniagaan tidak lebih daripada 2,500 patah perkataan tidak termasuk lampiran
 - Ringkasan Eksekutif tidak melebihi 500 patah perkataan;
 - Penyerahan dalam format PDF.
- Sesi penilaian: 17 Ogos 2024 - 30 Ogos 2024 (pemilihan 5 pasukan terbaik ke Pusingan Akhir untuk kategori terbuka)
- Pautan penghantaran: Akan dimaklumkan kepada peserta

3.3 Pusingan Akhir

Kategori - Sekolah Menengah

Bilangan pasukan: 5 pasukan

Kategori - Terbuka

Bilangan pasukan: 5 pasukan

Tarikh Pusingan Akhir: 26 Oktober 2024 (secara tentatif)

Masa: 15 minit setiap pasukan (pembentangan dan soal-jawab)

Lokasi: Auditorium A, KOMTAR

4.0 KRITERIA PENYERTAAN

4.1 Kelayakan

Kategori - Sekolah Menengah

- i. Pelajar Tingkatan 3 - Tingkatan 6, *A Level* & Matrikulasi dan yang setaraf;
- ii. Belia berumur 15 hingga 18 tahun;
- iii. Belia yang dilahirkan/bermastautin di Pulau Pinang;
- iv. Pelajar warganegara yang belajar sepenuh masa di Pulau Pinang;
- v. Semua peserta perlu mendapatkan surat sokongan daripada pihak sekolah;
- vi. Setiap pasukan mesti mewakili sekolah masing-masing;
- vii. Pendaftaran hendaklah dibuat oleh guru penasihat.
- viii. Bilangan ahli setiap pasukan: 2 hingga 5 orang

Kategori - Terbuka

- i. Belia yang sedang belajar di Kolej/Universiti/Institusi di Pulau Pinang, sedang bekerja atau usahawan muda dari Pulau Pinang;
- ii. Belia berumur 18 hingga 35 tahun;
- iii. Belia yang dilahirkan/menetap/bermastautin di Pulau Pinang;
- iv. Bilangan ahli setiap pasukan: 2 hingga 5 orang

4.2 Terma dan Syarat

Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju dengan terma dan syarat pertandingan berikut:

- i. Hanya SATU (1) penyertaan bagi setiap pasukan yang mengambil bahagian;
- ii. Semua pasukan yang mengambil bahagian perlu menyediakan Rancangan Perniagaan berdasarkan kriteria dan templat yang disediakan;
- iii. Idea perniagaan haruslah asli dan tidak pernah dimenangi di mana-mana pertandingan sebelum ini;
- iv. Perniagaan dalam peringkat idea atau perniagaan yang telah diperbadankan mestilah kurang daripada 2 tahun beroperasi (sila

- lampirkan salinan SSM bersama dengan penyerahan Rancangan Perniagaan);
- v. Bilangan ahli peserta adalah 2 atau maksimum hingga 5 orang dalam satu kumpulan;
 - vi. Pihak penganjur berhak menamatkan penyertaan serta-merta sekiranya didapati penyertaan yang tidak memenuhi syarat;
 - vii. Bahasa pengantar yang digunakan sepanjang program ini ialah Bahasa Melayu/Inggeris;
 - viii. Rancangan Perniagaan hendaklah diserahkan melalui pautan *google form* yang disediakan oleh pihak penganjur;
 - ix. Identiti panel juri adalah sulit;
 - x. Rancangan Perniagaan tidak boleh dipinda setelah diserahkan;
 - xi. Segala keputusan penganjur dan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang bantahan/aduan tidak akan dilayan.

4.3 Rancangan Perniagaan

- i. Rancangan Perniagaan perlulah disediakan dalam Bahasa Inggeris/Melayu dengan menggunakan **Fon Arial, saiz 12 dan jarak baris 1.5**;
- ii. Rancangan Perniagaan tidak boleh melebihi **2,500 patah perkataan** untuk kedua-dua kategori (tidak termasuk lampiran dan dokumen sokongan) dan satu halaman ringkasan eksekutif tidak melebihi 500 patah perkataan;
- iii. Halaman muka depan Rancangan Perniagaan hendaklah mengikut garis panduan dan format yang disediakan;
- iv. Rancangan perniagaan mesti diserahkan dalam **format PDF**.

4.4 Pembentangan Akhir & Pameran Reruai

- i. Lima (5) pasukan akan dipilih daripada setiap kategori untuk mengambil bahagian dalam pusingan akhir.
- ii. Pembentangan hanya 8 minit dan sesi soal jawab 7 minit akan diperuntukkan kepada setiap pasukan.
- iii. Setiap pasukan dikehendaki menyediakan reruai pameran untuk penilaian oleh panel juri semasa pusingan akhir.

5.0 GARIS MASA & STRUKTUR PROGRAM

5.1 Jadual Pertandingan

18 Jun 2024	Sidang Media (Pelancaran)
11 Jun 2024 - 12 Julai 2024	Pendaftaran (<i>Google Form</i>)
20 Julai 2024 (Sabtu) <i>(Tertakluk kepada perubahan)</i>	Bengkel Penyediaan <ul style="list-style-type: none">Platform e-DagangPeruncitan & Amalan Harian Terbaik
27 Julai 2024 (Sabtu) <i>(Tertakluk kepada perubahan)</i>	Bengkel Penyediaan <ul style="list-style-type: none">Harta Intelek (Tanda Dagangan & Paten)Kewangan & Pembiayaan
16 Ogos 2024 (Jumaat)	Tarikh Akhir Penyerahan Rancangan Perniagaan (<i>Business Proposal</i>)
30 Ogos 2024 (Jumaat)	Pemilihan 5 pasukan terbaik setiap kategori untuk mengambil bahagian dalam Pusingan Akhir
2 September 2024 (Isnin)	Pengumuman 5 Finalis (Dua Kategori)
3 September 2024 – 19 Oktober 2024	Sesi Mentor untuk 5 Finalis
26 Oktober 2024 (Sabtu) <i>(Tertakluk kepada perubahan)</i>	Pusingan Akhir & Majlis Penutupan

6.0 KRITERIA PENILAIAN

6.1 Pusingan Awal (Laporan Rancangan Perniagaan)

KRITERIA
Ringkasan Eksekutif
Penerangan Produk/Perkhidmatan
Analisis Situasi
Alat Pemasaran
Strategi Operasi
Kewangan & Pembiayaan
Refleksi Kendiri
Kesimpulan
Format
JUMLAH MARKAH (100%)

6.2 Pusingan Akhir (Pameran)

KRITERIA
Tanggapan Pertama (Keupayaan untuk menarik pengunjung)
Kandungan (Maklumat/label yang berkaitan, penggunaan bahan/alat promosi, penyampaian mesej, dsb)
Persembahan (Kawasan gerai disediakan dengan berkesan/menarik, penggunaan ruang secara efektif, bersih & kemas, kreatif & cekap).
Kreativiti & Reka Bentuk (Prototaip dipaparkan dengan jelas/menonjolkan inovasi & kreativiti yang menunjukkan potensi pasaran)
Profesionalisme (Penampilan peribadi, dandanan, keramahan, dedikasi, semangat & profesional)
JUMLAH MARKAH 100 (30%)

6.3 Pusingan Akhir (Pembentangan)

KRITERIA
Penyampaian (komunikasi lisan, suara, langkah, kelancaran, bahasa badan, yakin diri)
Organisasi (pengenalan, aliran kandungan, keselarasan, struktur)
Kandungan (visi/misi, kreativiti dan inovatif, idea perniagaan/ model/strategi, kepraktisan, rasional, analisis pasaran & kewangan, reka bentuk/prototaip produk/perkhidmatan, penyelarasan sumber, dsb)
Bahasa (komunikatif yang sesuai, tatabahasa, tipografi, perbendaharaan kata, istilah & komunikasi bertulis)
JUMLAH MARKAH 100 (70%)

6.4 Jumlah Markah Pusingan Akhir

KOMPONEN	WAJARAN (%)
Pameran	30
Pembentangan	70
JUMLAH MARKAH	100

7.0 Hadiah Keseluruhan

7.1 Kategori: Sekolah Menengah

Hadiah Kemenangan	Jumlah (RM)
Johan	RM 3,000.00
Naib Johan	RM 2,000.00
Tempat Ketiga	RM 1,000.00
Saguhati	RM 500.00
Saguhati	RM 500.00
JUMLAH	RM 7,000.00

7.2 Kategori: Terbuka

Hadiah Kemenangan	Jumlah (RM)
Johan	RM 7,000.00
Naib Johan	RM 5,000.00
Tempat Ketiga	RM 3,000.00
Saguhati	RM 1,000.00
Saguhati	RM 1,000.00
JUMLAH	RM 17,000.00

8.0 Poster Rasmi Pertandingan

PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN BELIA

DAFTAR SEKARANG

Kategori Sekolah Menengah
RM 7,000
Jumlah Hadiah

Kategori Terbuka
RM 17,000
Jumlah Hadiah

IMBAS DI SINI

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari Laman Web:
pydc.com.my/yec2024

JOM, SERTA KAMI!!

PENGATUR BERSAMA: TREND PYDC

PENAJA RASMI: MYDIN SANE'S GROCERIE Retails Q&A

PENAJA PEMASARAN: howei THE FUN WAY BigACADEMY

PENAJA IT: 3D BIGDOMAIN

RAKAN STRATEGIK: PUMM PENANG 振中品商會 PCCC YES

DISOKONG OLEH: JCI Bukit Mertajam FEDERATION OF MALAYSIAN MANUFACTURERS



MUKA DEPAN RANCANGAN PERNIAGAAN

KATEGORI	SEKOLAH MENENGAH
Nama Penuh Sekolah	
Guru Penasihat	Nama Penuh (IC) : IC No. : Jawatan : Alamat Emel : No. Telefon :
Nama Perniagaan:	
Tajuk Kertas Cadangan Perniagaan	

Bil	Maklumat Peserta
1	Nama Penuh (KP) : No. KP : ID Pelajar : Alamat Emel : No. Telefon :
2	Nama Penuh (KP) : No. KP : ID Pelajar : Alamat Emel : No. Telefon :
3	Nama Penuh (KP) : No. KP : ID Pelajar : Alamat Emel : No. Telefon :
4	Nama Penuh (KP) : No. KP : ID Pelajar : Alamat Emel : No. Telefon :
5	Nama Penuh (KP) : No. KP : ID Pelajar : Alamat Emel : No. Telefon :

Pengisytiharan Peserta

Saya memperakui bahawa kerja yang dikemukakan untuk rancangan perniagaan ini adalah milik saya sendiri dan sumber penyelidikan diakui sepenuhnya.

Tarikh :

Semua nama & tandatangan peserta :

Bil	Nama Penuh	Tandatangan
1		
2		
3		
4		
5		



MUKA DEPAN RANCANGAN PERNIAGAAN

KATEGORI	TERBUKA
Maklumat Perniagaan (Jika Ada)	No Pendaftaran SSM : Tarikh Mula Beroperasi : Alamat Perniagaan :
Nama Perniagaan:	
Tajuk Kertas Cadangan Perniagaan	

Bil	Maklumat Peserta
1	Nama Penuh (KP) : No. KP : Alamat Emel : No. Telefon :
2	Nama Penuh (KP) : No. KP : Alamat Emel : No. Telefon :
3	Nama Penuh (KP) : No. KP : Alamat Emel : No. Telefon :
4	Nama Penuh (KP) : No. KP : Alamat Emel : No. Telefon :
5	Nama Penuh (KP) : No. KP : Alamat Emel : No. Telefon :

Pengisytiharan Peserta

Saya memperakui bahawa kerja yang dikemukakan untuk rancangan perniagaan ini adalah milik saya sendiri dan sumber penyelidikan diakui sepenuhnya.

Tarikh :

Semua nama & tandatangan peserta :

Bil	Nama Penuh	Tandatangan
1		
2		
3		
4		
5		